



جابتن مفتي نكري قهغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan :

Adakah sah solat orang yang memakai minyak wangi beralkohol yang tidak diketahui halal haramnya alkohol itu ?

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Jawapan :

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah ﷻ, selawat dan salam atas Nabi besar Junjungan kita Muhammad ﷺ berserta keluarga dan sahabatnya ﷺ, dan mereka-mereka yang mengikut segala sunnah Nabi Muhammad ﷺ sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada saudara, di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Para ulamak berselisih pendapat mengenai kandungan alkohol yang digunakan didalam wangiyan. Sesetengah ulamak mengatakan hukumnya adalah najis dan tidak boleh dipakai ketika solat dan setengah pendapat mengatakan najis tetapi dimaafkan kerana kuantitinya yang sedikit. Ada pula setengah ulamak mengatakan ianya adalah suci kerana berbeza dari alkohol yang ada terdapat dalam arak. Didalam Kitab al-Fiqh 'ala Mazahibil Arba'ah yang menyebut ;

“ومنها المائعات النَّجَسَةُ الَّتِي تُضَافُ إِلَى الْأَدْوِيَّةِ وَالرَّوَاحِجِ الْعَطْرِيَّةِ لِإِصْلَاحِهَا فَإِنَّهُ يُعْفَى عَنِ الْقَدْرِ الَّذِي بِهِ
الإِصْلَاحُ”

Maksudnya : *“Dan sesetengah daripadanya segala cecair yang najis yang dicampurkan kepada ubat-ubat dan pewangi-pewangi untuk mengelokkannya maka sesungguhnya dimaafkan daripada kadar yang digunakan untuk membaikkannya.”*

Isu ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang Kali ke -6 /2011 pada 30 Disember 2011 yang memutuskan bahawa :

- i. Setiap minuman arak adalah mengandungi alkohol. Walaubagaimanapun bukan semua alkohol itu adalah arak. Alkohol yang diperolehi dari proses pembuatan arak, hukumnya haram dan najis.
- ii. Manakala alkohol yang diperolehi bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis, tetapi haram (tidak boleh) diminum dalam bentuk aslinya kerana ia adalah racun dan boleh membunuh.
- iii. Minuman ringan yang boleh diproses/dibuat bukan dengan tujuan untuk menghasilkan arak dan mempunyai alkohol di bawah aras 1% v adalah harus (boleh) diminum.
- iv. Manakala minuman ringan yang dibuat dengan niat dan cara yang sama seperti proses membuat arak, samada mengandungi banyak atau sedikit alkohol atau alkoholnya disuling adalah haram diminum.
- v. Makanan atau minuman yang mengandungi alkohol secara semulajadi seperti buah-buahan, kacang atau bijirin serta perahannya, atau alkohol yang terkandung itu terjadi secara sampingan semasa proses pembuatan makanan atau minuman adalah tidak najis dan harus (boleh) dimakan/diminum.

- vi. Makanan atau minuman yang mengandung bahan perisa atau pewarna yang mengandung alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus (boleh) digunakan sekiranya alkohol itu bukan dihasilkan dari proses pembuatan arak dan kuantiti alkohol dalam produk akhir itu adalah tidak memabukkan dan kadar alkohol tidak melebihi 0.5%.
- vii. Ubat-ubatan dan pewangi yang mengandung alkohol sebagai bahan pelarut adalah tidak najis dan diharuskan sekiranya alkohol tersebut bukan diambil melalui proses pembuatan arak.

Kesimpulannya kami berpandangan, hukum orang yang solat dengan memakai minyak wangi adalah **sah dari segi hukum syarak**, kecuali jika mengetahui minyak wangi itu bersumberkan daripada bahan terlarang yang mendatangkan kemudaratan dan bahan yang diharamkan seperti daripada lemak babi dan sebagainya, maka **tidak sah** hukumnya dari segi syarak.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ وَإِلَيْهِ مَرْجِعُ وَالْمَأْبُتِ

Rujukan :

1. Kitab al-Fiqh 'ala Mazahibil Arba'ah
2. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang Kali Ke-6/2011